



## **Lebih RM103 juta untuk imam, bilal, siak, guru takmir dan KAFA di Kelantan - Anwar**

Oleh Hidayatidau Razali - Mei 12, 2023 @ 6:04pm  
bhnews@nstp.com.my

KOTA BHARU: Peruntukan sejumlah RM103,863,258 disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada golongan imam, bilal, siak, guru takmir dan guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Kelantan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata daripada jumlah itu, peruntukan RM3.6 juta disalurkan kepada 341 guru takmir pada April lalu.

Selain itu, katanya, bagi menghargai sumbangan imam, bilal, siak, guru takmir seramai 2,605 orang dalam pengimaranan masjid khusus di Kelantan, bayaran khas sebanyak RM600 secara 'one-off' diberikan kepada mereka membabitkan peruntukan RM1.5 juta.

"Jumlah keseluruhan peruntukan bagi imam, bilal, siak dan guru takmir di Kelantan tahun ini adalah sebanyak RM17.7 juta yang membabitkan 6,721 orang.

"Selain itu, caruman kerajaan sebanyak RM232.80 seorang bagi Pakej Program Perlindungan di bawah Skim Pekerjaan Sendiri (SPS Lindung) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga diteruskan kepada imam, bilal, siak dan guru takmir dengan peruntukan RM606,444 setahun.

"Kerajaan juga bersetuju meneruskan bayaran bantuan khas RM3.2 juta kepada 5,470 guru KAFA yang mencurah bakti mendidik anak bangsa. Jumlah peruntukan elaun guru KAFA bagi negeri ini adalah RM82.7 juta.

"Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan RM103,863,258 kepada imam,

bilal, siak, guru takmir dan guru KAFA tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan di Program Jelajah Madani Ulama dan Umara Peringkat Negeri Kelantan di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz dan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan juga melalui Yayasan Taqwa (MAIWP) menyalurkan sumbangan bantuan musibah negeri Kelantan sebanyak RM2,654,175 iaitu bina baharu kediaman sebanyak RM829,225, membaik pulih rumah (RM1,536,250), membaik pulih masjid dan surau (RM278,700) dan membaik pulih institusi pendidikan (RM10,000).

"Kerajaan juga secara jelas mahukan agensi Islam menjadi contoh terbaik dalam kecekapan pengurusan dan tata kelola.

"Ini cabaran mesti kita sahut bersama, sama ada di peringkat Persekutuan dan juga negeri. Umpamanya dalam aspek pengurusan kewangan serta tata kelola pentadbiran hal ehwal Islam yang berintegriti perlu dititik beratkan oleh kita semua," katanya.